

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

BANK ISLAM, PAYNET, DAN PLUS BERKOLABORASI BAGI MENGGAJALAKAN PERBELANJAAN TANPA TUNAI DI R&R MELALUI KEMPEN PULANGAN TUNAI MUSIM PERAYAAN

KUALA LUMPUR, Khamis, [22 Mei 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) bekerjasama dengan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) dan PLUS Malaysia Berhad (PLUS), telah melancarkan kempen “Balik Kampung dengan Kad Debit-i Bank Islam di R&R PLUS” bagi menggalakkan perbelanjaan tanpa tunai sempena musim perayaan ini.

Kempen yang berlangsung dari 28 Mac hingga 30 Jun 2025 menawarkan pengguna Kad Debit-i Bank Islam (MyDebit) 10% pulangan tunai apabila pengguna berbelanja minimum RM15 di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) PLUS yang mengambil bahagian. Setiap pemegang kad MyDebit layak menerima sehingga RM15 secara keseluruhan yang akan dikreditkan selepas tempoh kempen tamat dan tertakluk kepada terma dan syarat.

Sejajar dengan musim cuti persekolahan dan sambutan perayaan Aidiladha, kempen “Balik Kampung dengan Kad Debit-I Bank Islam di R&R PLUS” bertujuan untuk menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai secara lebih meluas di samping meningkatkan pengalaman perjalanan secara keseluruhan pengguna lebih raya.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram berkata, “Kerjasama ini menandakan satu lagi langkah bermakna dalam mempromosikan urusan niaga tanpa tunai yang selamat dan lancar di kawasan bertrafik tinggi seperti R&R. Dengan menggalakkan pembayaran secara digital dalam kehidupan harian, kita bukan sahaja mempertingkatkan kemudahan pelanggan malah turut menyokong usaha berterusan negara ke arah ekonomi yang lebih inklusif secara digital.

Pengarah Kanan Bahagian Komersial PayNet, Azrul Fakhzan Mainor, turut menzahirkan sentimen sama dan berkata, “Kerjasama ini merupakan contoh terbaik bagaimana usaha strategik dapat memudahkan akses transaksi tanpa tunai untuk semua lapisan masyarakat. Dengan memanfaatkan capaian R&R sepanjang musim perayaan, kami membantu lebih ramai rakyat Malaysia merasai kemudahan dan keselamatan pembayaran digital dalam

kehidupan seharian mereka. Sebagai rangkaian pembayaran nasional Malaysia, kempen ini menyokong aspirasi PayNet untuk memperkasa pembayaran tanpa tunai di seluruh negara sekali gus menyumbang kepada kemakmuran bersama rakyat Malaysia.”

Ketua Pegawai Komersial PLUS, Mohd Fauzi Puniran, turut menambah “Melalui kerjasama strategik ini, negara akan lebih bersedia melangkah ke arah ekosistem lebuhraya pintar yang mengutamakan pengalaman perjalanan yang lebih lancar, selamat dan lestari. Selaras dengan matlamat ini, PLUS juga sedang giat mempromosikan pilihan pembayaran tanpa tunai di semua R&R dan hentian sebelah kami. Hasil daripada usaha ini, sebanyak 84.8% gerai, yang melibatkan lebih 535 rakan niaga di R&R kami, kini menerima e-dompet utama serta pilihan pembayaran Kad Kredit dan Debit.”

Beliau turut menambah, bagi meneruskan momentum ini, PLUS merancang untuk melaksanakan transaksi tanpa tunai sepenuhnya bermula suku ketiga dan keempat tahun ini di beberapa R&R terpilih iaitu Tapah (Arah Utara dan Selatan), Seremban (Arah Selatan), Rawang (Arah Utara) dan Restoran Jejantas Sungai Buloh.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.

Mengenai PayNet

Mengenai PayNet Payments Network Malaysia (PayNet) ialah rangkaian pembayaran nasional Malaysia dengan misi untuk mempercepatkan aliran pembayaran negara dengan menjadikan infrastruktur pembayaran digital lebih mudah diakses, meluas, dan selamat. Rangkaian pembayaran runcit kami yang komprehensif—termasuk DuitNow (QR dan Transfer), JomPAY (Pembayaran Bil), FPX (Atas Talian), MyDebit (Debit Domestik), MEPS dan IBG (Interbank GIRO)—menyediakan liputan yang meluas di seluruh negara, membentuk sebahagian daripada teras kehidupan harian di Malaysia. Selain itu, rangkaian pembayaran runcit QR masa nyata PayNet, DuitNow, boleh beroperasi secara bersama dengan skim domestik di Singapura, Thailand, dan Indonesia, memudahkan transaksi rentas sempadan yang lancar dengan negara-negara ini. PayNet komited untuk mempromosikan ekosistem pembayaran yang selamat, cekap, dan inovatif di Malaysia serta bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan baharu yang memenuhi keperluan pengguna dan perniagaan yang sentiasa berkembang. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.paynet.my.

Hubungi: Natasha Hussain (E-mel: natasha.hussain@paynet.my / Tel: +6016 665 8054)

Mengenai PLUS Malaysia Berhad (PLUS)

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) adalah pengendali lebuhraya terbesar di Semenanjung Malaysia dan salah satu pengendali lebuhraya terbesar di Asia Tenggara yang bertanggungjawab mentadbir urus, serta memastikan keselamatan dan keselesaan 1.8 juta pengguna harian di sepanjang 1,130km (91% adalah lebuhraya antara negeri) di negara ini. Sebagai 'nadi negara', PLUS telah meningkatkan sosioekonomi Malaysia sejak tiga dekad, memberi impak yang ketara dan memainkan peranan penting dalam memperbaiki tahap kehidupan dan sosioekonomi Malaysia, sebagai pemangkin kepada industri pelancongan, pembukaan zon bebas cukai, pelabuhan baharu dan pertambahan kawasan perumahan.

Berasaskan aspirasi untuk menjana kesejahteraan dan kelestarian di dalam kehidupan komuniti, ekosistem lebuhraya PLUS juga telah membuka peluang perniagaan dan pekerjaan dengan memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat di sekitar 30 kilometer jajaran bermula dengan mereka yang paling dekat dengan kami. Lawati www.plus.com.my untuk maklumat lanjut, atau ikuti maklumat terkini menerusi saluran YouTube, Facebook, Instagram dan LinkedIn PLUS.

Hubungi: Rofina Adam (Emel: rofinad@plus.com.my / Telefon Bimbit: 012-657 4452)